

CABARAN PEMBUDAYAAN ILMU ISLAM PASCA NORMA BAHARU COVID-19

Challenges in Cultivating Islamic Knowledge in the Post- COVID-19 New Norm

Fadzil Sohar^{1,*}, Nur Qamarina Putri Kamal Azam¹, Mohd Farhan Md Ariffin¹, Bilal
Khan Muhammad Islam² & Muhammad Adam Abd. Azid³

¹ Research Centre for Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

² Department of Islamic Studies, University of Makaland, Pakistan.

³ Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 16010 Kota Bharu, Malaysia

*Corresponding author e-mail:
jibrilfs@gmail.com

Received: 24-07-2024

Accepted: 16-12-2024

Published: 16-10-2025

How to Cite:

Sohar, F., Kamal Azam, N. Q. P., Md Ariffin, M. F., Muhammad Islam, B. K. & Abd. Azid, M. A. (2025). Cabaran pembudayaan ilmu Islam pasca norma baharu. *Jurnal Dirasatata: Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 1(1), 1-18

ABSTRACT

The closure of educational institutions due to the COVID-19 pandemic has significantly impacted efforts to cultivate and appreciate Islamic knowledge. Consequently, the transformation of teaching and learning (TnL) into online platforms emerged as an essential alternative to revive the culture of knowledge among educators and students. In the post-pandemic era, educational dynamics continue to advance through technological progress, particularly artificial intelligence (AI) applications, which enhance TnL effectiveness. However, challenges such as access to digital infrastructure, technological adaptation, and a profound appreciation of Islamic knowledge demand comprehensive consideration. This study aims to identify the main challenges in cultivating Islamic knowledge through the implementation of online TnL and to explore how AI technology can be utilized to support more interactive and personalized learning. A research approach is employed through content analysis of journal articles, books, and official documents from the Ministry of Education Malaysia. The findings highlight that the integration of technology and AI has the potential to address these challenges by offering solutions such as adaptive learning platforms, AI-based virtual mentoring, and learning data analytics. This study

emphasizes the need for a holistic approach, synergy among stakeholders, and progressive policies to ensure the continuity of Islamic knowledge cultivation in the era of digital education.

Keywords: *Challenges; Cultivation of Islamic Knowledge; TnL New Norms; AI.*

ABSTRAK

Penutupan institusi pendidikan akibat wabak COVID-19 telah memberi kesan besar terhadap usaha pembudayaan ilmu Islam, menyebabkan halangan yang ketara dalam penghayatan ilmu. Lantas, transformasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian muncul sebagai alternatif penting untuk memulihkan budaya ilmu dalam kalangan pendidik dan pelajar. Beranjak kepada pasca pandemik, nuansa pendidikan semakin maju dan peralihan ini didorong oleh kemajuan teknologi, termasuk aplikasi kecerdasan buatan (AI) yang menawarkan potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan PdP. Walau bagaimanapun, cabaran seperti akses infrastruktur digital, adaptasi teknologi dan penghayatan ilmu Islam yang mendalam muncul menuntut pertimbangan secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran utama dalam pembudayaan ilmu Islam melalui pelaksanaan PdP dalam talian serta meneroka bagaimana teknologi AI dapat dimanfaatkan untuk menyokong pembelajaran yang lebih interaktif dan personal. Pendekatan kajian kualitatif digunakan dengan analisis kandungan terhadap artikel jurnal, buku dan dokumen rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian menegaskan bahawa integrasi teknologi dan AI berpotensi membantu menangani cabaran ini dengan menawarkan penyelesaian seperti platform pembelajaran adaptif, bimbingan maya yang berasaskan AI dan analisis data pembelajaran. Kajian ini menekankan keperluan pendekatan holistik, sinergi antara pihak berkepentingan serta dasar yang progresif dalam memastikan kesinambungan pembudayaan ilmu Islam dalam era pendidikan digital.

Kata Kunci: *Cabaran; Pembudayaan Ilmu Islam; PdP norma baharu; AI.*

1. Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pembudayaan bermaksud proses atau cara membudayakan sesuatu seperti pemikiran atau ilmu manakala ilmu pula diklasifikasikan sebagai pengetahuan atau kepandaian yang merangkumi semua bidang yakni duniawi mahupun ukhrawi. Budaya ilmu merujuk kepada amalan mencintai ilmu dan mencari kebenaran sepanjang hayat, sentiasa dahagakan ilmu, keinginan untuk memiliki ilmu, menghayati ilmu, menggunakan ilmu pada tempatnya serta meletakkan ilmu sebagai nilai yang paling dihargai dalam kehidupan. Imam al-Ghazali menakrifkan ilmu sebagai suatu kepastian secara demonstratif, cahaya (nur) merupakan anak kunci kepada ilmu dan untuk sampai kepada ilmu yang pasti mestilah melalui pengalaman.

Islam adalah satu satunya agama yang amat menitikberatkan ilmu pengetahuan. Ini dijelaskan dalam ayat al-Quran yang pertama diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW di dalam surah al-'Alaq ayat 1 yang bermaksud: "Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan". Ilmu mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam Islam sehingga ia sering disebutkan di dalam al-

Quran mahupun al-Sunnah. Manakala institusi ilmu pula memainkan peranan penting dalam menyebarkan pelbagai ilmu dan memajukan sesebuah tamadun.

Sejarah pembudayaan ilmu dalam masyarakat Islam telah bermula sejak zaman awal Islam melalui tiga institusi utama. Ia didahului dengan institusi pendidikan kuttab dengan bertujuan memberi pelajaran berperingkat rendah kepada kanak-kanak untuk menjadi individu celik huruf agar umatnya berkebolehan membaca dan menulis. Seterusnya institusi masjid-masjid memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu. Ia merupakan tempat paling sesuai untuk memberi dan menimba ilmu pengetahuan kerana di situlah tempat manusia berkumpul. Perpustakaan juga tidak dilupakan dalam menjadi nadi kepada pembudayaan ilmu. Pelbagai kitab dan buku-buku asing dalam pelbagai bahasa dikumpulkan. Perpustakaan khusus untuk kegunaan peribadi juga wujud apabila ia didirikan bagi keperluan golongan ilmuwan seperti ulama dan sasterawan.

Sebelum era digital, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) tradisional dalam konteks ilmu Islam berfokus kepada interaksi langsung antara guru dan pelajar di dalam bilik darjah, masjid dan seumpamanya. Pembelajaran ini sering dilakukan secara lisan melalui kuliah, pentafrisan kitab dan diskusi ilmiah yang melibatkan perbincangan mendalam tentang ajaran Islam. Guru berperanan sebagai sumber utama ilmu, memberikan bimbingan dan penjelasan secara terus kepada pelajar, sementara pelajar menerima dan menghayati ilmu dengan cara yang lebih interaktif dan personal. Kaedah ini juga menekankan pendekatan berterusan dalam membina hubungan antara pelajar dan guru, di samping membina pemahaman yang lebih mendalam tentang teks-teks klasik serta konteks sosial dan budaya dalam pengajaran ilmu Islam.

Pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang mendalam terhadap sistem pendidikan global, termasuk dalam konteks pembudayaan ilmu Islam. Penutupan institusi pendidikan secara besar-besaran telah menyebabkan gangguan ketara dalam proses PdP, khususnya dalam kalangan pelajar dan pendidik yang terlibat dalam pengajian ilmu agama. Dalam menghadapi cabaran ini, pendidikan dalam talian muncul sebagai penyelesaian utama untuk memastikan kesinambungan pembelajaran.

Penggunaan teknologi moden, termasuk kecerdasan buatan (AI), telah memperkenalkan pendekatan baru dalam PdP seperti platform pembelajaran adaptif dan bimbingan maya yang berasaskan AI. Teknologi ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran, tetapi juga membantu dalam mempersonalisasikan pengalaman belajar, di mana AI dapat menilai keperluan individu pelajar dan menyediakan kandungan yang relevan serta sokongan tambahan bagi memperkukuhkan pemahaman ilmu Islam, sekaligus memperkasa pembudayaan ilmu dalam era digital.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menghimpunkan fakta, pemerhatian, analisis kandungan dan pemahaman daripada sesuatu topik dengan menggunakan bahan-bahan primer yang berautoriti. Kajian ini merujuk kepada

sumber-sumber yang diperoleh daripada artikel jurnal, tesis, buku dan laman web rasmi. Artikel ini membincangkan konsep pembudayaan ilmu dan perspektif dari sudut Islam bersama dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru dalam membudayakan ilmu Islam dari konteks pendidikan khususnya melalui pelaksanaan PdP dalam talian dan aplikasi teknologi kecerdasan buatan (AI). Di samping itu, analisis cadangan penyelesaian yang relevan untuk mengatasi cabaran yang timbul peralihan kaedah PdP daripada cara tradisional kepada era baru.

3. Cabaran Pembudayaan Ilmu Islam Pasca Pandemi COVID-19

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis Korona yang menyebabkan wabak COVID19. Malaysia juga tidak terkecuali daripada penularan penyakit ini. Penularan wabak penyakit ini bukan sahaja menggugat keadaan sosioekonomi negara, malah memberi impak kepada sistem pendidikan yang merupakan tunjang penyuburan pembudayaan ilmu Islam. Pelbagai sektor termasuk sektor pendidikan seperti sekolah, madrasah, pondok pusat pembelajaran, institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah ditutup bertujuan memutuskan rantaian penularan wabak. Akibatnya, proses PdP tradisional secara bersemuka yang telah diamalkan semenjak dulu lagi terpaksa diberhentikan selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini seterusnya menatijahkan norma baharu dalam segenap aspek kehidupan, termasuk dalam PdP (WHO, 2020).

Justeru, transformasi dalam pendidikan telah mengalami pendekatan baru yang dikenali sebagai online learning iaitu pembelajaran jarak jauh dalam talian. Stefan Hrastinski (2019) mendefinisikan PdP dalam talian sebagai pembelajaran secara tatap muka yang menggunakan perantaraan peralatan komputer di mana murid dapat melihat dan mendengar dari jarak jauh. Ini juga merupakan sebuah bentuk metodologi PdP yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital dan internet. Bahan yang disampaikan menggunakan media ini mempunyai teks, grafik visual, perkataan, animasi, video serta audio. Oleh itu, inisiatif ini dilihat sebagai salah satu langkah ke depan demi memastikan pembudayaan ilmu Islam terus berkembang walaupun mendepani pelbagai ranjau cabaran.

Pada tahun ke depan, lebih banyak lagi medium pembelajaran dalam talian yang wujud seperti Micro Credential, Massive Open Online Courses (MOOCs), Mobile Learning (M-Learning), Virtual Reality (VR) and Augmented Reality (AR) Learning, Online Distance Learning (ODL) dan Gamified Learning yang berasaskan pembelajaran era baru (Hambali, & Lubis, 2022).

Sungguhpun demikian, terdapat cabaran dalam menyampaikan ilmu sekaligus dalam menyuburkan pembudayaan ilmu Islam pada fasa semasa dan selepas pandemik. Pengkaji juga sempat merasai zaman ini apabila secara drastik diperkenalkan dengan kaedah online ketika mengajar di UTM dan UKM. Cabaran-cabaran ini perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam pelaksanaan pembudayaan ilmu Islam era baru. Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), cabaran ditakrifkan sebagai mempersoalkan dan mempertikaikan sesuatu unsur yang

mencabar serta menguji kemampuan seseorang, organisasi atau perkara. Antaranya adalah:

3.1 Infrastruktur dan Peranti Digital

Penggunaan komputer dan internet menjadi semakin penting dalam sistem pendidikan hari ini. Penggunaan gajet seperti telefon pintar, komputer riba dan tab diperlukan dalam meneruskan budaya ilmu dalam kehidupan alaf baharu. Ketiadaan peranti digital pintar bersama akses internet menjadi kekangan kepada pelajar untuk meneruskan pembelajaran dalam talian. Kajian oleh UNICEF (2020) menunjukkan 9 daripada 10 kanak-kanak menggunakan telefon bimbit sebagai peralatan untuk PdP secara dalam talian, manakala 8 daripada 10 orang kanak-kanak tidak mempunyai akses kepada komputer. Realitinya, tidak semua ibu bapa berkemampuan membeli peranti untuk semua anak yang bersekolah (Danial & Muyasaroh, 2023).

Dalam hal ini, anak-anak mereka perlu berkongsi peranti secara bergilir-gilir untuk menyertai kelas dalam talian. Senario ini dapat dilihat menerusi laporan oleh Faris (2020) bahawa golongan ibu bapa M40 dan B40 adalah yang paling terkesan dengan pembelajaran di rumah kerana ibu bapa hanya memiliki satu atau terhad peranti yang boleh digunakan oleh anak-anak yang ramai untuk pembelajaran (Hanisah & Isa, 2021).

Capaian internet yang perlahan juga menjadi isu kepada pelajar. Ini menyebabkan pembelajaran dalam talian menjadi lebih mencabar dan pelajar sukar memahami subjek yang diajar. Malah, kaedah sebelumnya yang sering dipraktikkan ketika pembelajaran al-Quran seperti *talaqqi musyafahah*, *tasmik*, *tikrar* dan sebagainya tidak dapat berjalan sempurna disebabkan ketiadaan gajet ataupun capaian internet perlahan. Masa yang diperlukan untuk memuat turun sesuatu bahan atau video pembelajaran juga memakan masa yang agak lama bersama dengan storan gajet yang terhad.

Dalam isu ini, pengalaman pengkaji mendapati bahawa pada peringkat awal pelaksanaan PdP dalam talian, gajet antara isu utama yang menjadi kebimbangan besar. Namun apabila sudah dalam fasa pasca pandemik, hal ini tidak begitu dirasakan dan semua pelajar mampu untuk menyediakan gajet sama ada melalui pembelian sendiri atau bantuan kerajaan atau universiti. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan pelajar yang memang tidak mampu menyediakan peranti yang sesuai disebabkan pelbagai kekangan, dan perkara ini telah menjejaskan pembelajaran dan mengakibatkan pelajar gagal dalam subjek diambil.

3.2 Literasi Digital

Dalam menyesuaikan budaya ilmu Islam melalui penggunaan teknologi digital yang semakin berkembang maju, ia memerlukan kepakaran dan kemahiran untuk menggunakannya. Lazimnya guru perlu mahir dalam sesuatu mata pelajaran serta memainkan peranan yang sangat luas sebagai pendidik, pembimbing dan pendorong. Kehidupan norma baharu sedikit sebanyak menjadikan tugas seorang guru lebih mencabar dalam menyesuaikan diri dalam perkembangan era globalisasi terutamanya

dalam penggunaan alat yang semakin canggih dalam setiap sesi pengajaran. Setiap guru perlu bersedia dengan pembelajaran dalam talian, jika sebaliknya proses PdP akan menjadi semakin sukar. Ini disokong oleh kajian Shahfiezul & Fariza (2017) mendapati medium pembelajaran maya kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru kerana kurang pengetahuan dan kemahiran mengendalikan PdP berasaskan teknologi. Golongan pendidik khususnya yang sudah berusia juga mengalami kesukaran bukan sahaja dalam menyampaikan ilmu malah dalam menyediakan bahan pembelajaran yang lengkap dan menarik perhatian bersama teknik pembelajaran yang mudah diikuti dan difahami pelajar.

Bagi pelajar yang lemah dalam penggunaan teknologi, ini merupakan isu utama dalam kaedah pembelajaran dalam talian. Pelajar tidak mengetahui fungsi komputer atau gajet dan cara mengakses internet walaupun kaedah pembelajaran berasaskan dalam talian dan semua bahan-bahan serta sumber maklumat dimuatkan dalam talian. Begitu juga dengan pengumuman universiti atau institusi pengajian tinggi di mana tugas pembelajaran kebiasannya diberikan atau dimaklumkan dalam talian. Jika pelajar gagal untuk menggunakan komputer dan internet, maka pelajar akan ketinggalan segala informasi seterusnya gagal untuk menyempurnakan tugas yang telah diberikan dalam masa yang ditetapkan. Begitu juga dengan penggunaan pelbagai perkara asas berkaitan komputer seperti sistem operasi dan perisian yang digunakan serta bagaimana untuk menggunakan perisian dengan cekap dan mudah.

Faktor lain yang menyumbang kepada hal ini ialah penggunaan teknologi maklumat minimum, selain peralatan lama dan sudah tidak sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. Jika tidak mengetahui cara menggunakan teknologi, pelajar akan mengalami kekurangan sumber dalam pembelajaran dan ketinggalan berbanding mereka yang celik teknologi. Ini menyebabkan budaya ilmu dilihat tidak berkembang secara menyeluruh berbanding di sekolah yang menggunakan akses dan sumber yang sama. Menurut Afandi (2020), PdP dalam talian adalah kontra kepada pertemuan bersemuka kerana bimbingan daripada guru yang mahir terhad dan menyebabkan kesalahan sama berulang oleh murid sepertimana dalam pembelajaran Matematik.

Setakat pengalaman pengkaji, pensyarah atau guru muda memiliki literasi digital yang tinggi, berbanding generasi awal. Malah kursus secara berkala turut dilakukan untuk memastikan semua pensyarah mahir dengan aplikasi digital, walaupun hanya pada peringkat asas. Bahkan KPT pernah mewajibkan semua pensyarah mengisi survey literasi digital di universiti bagi memantau dan memberi latihan semula bagi tenaga pengajar kurang mahir.

3.3 Kemahiran Digital

Pembelajaran ilmu Islam dalam talian sering menghadapi cabaran besar dari segi kekurangan kemahiran digital, terutamanya di kalangan pendidik dan pelajar yang terlibat dalam kajian agama. Sebelum pandemik, pendidikan Islam banyak bergantung kepada kaedah tradisional seperti kuliah, pentafsiran kitab dan pembelajaran bersemuka. Kini, apabila pembelajaran dalam talian menjadi pilihan utama, pelajar dan pendidik perlu menyesuaikan diri dengan alat teknologi untuk menyampaikan dan

mengakses bahan pembelajaran. Tanpa kemahiran digital yang mencukupi, pelajar menghadapi kesukaran dalam mengikuti kuliah dalam talian, memahami teks agama melalui platform digital atau berinteraksi dalam sesi pembelajaran maya (Hashim et al. 2020).

Pendidik tidak biasa dengan penggunaan platform dalam talian atau alat digital yang baru seperti sistem pengurusan pembelajaran (LMS), aplikasi pembelajaran interaktif atau teknologi kecerdasan buatan (AI). Tanpa latihan mencukupi, mereka merasa kurang yakin dalam penggunaan teknologi ini dengan berkesan, yang boleh mengurangkan keberkesanan pengajaran.

Bagi pelajar, kekurangan kemahiran digital boleh menghalang daripada memanfaatkan sepenuhnya sumber pembelajaran dalam talian. Walaupun mereka mengakses bahan melalui platform seperti video atau e-buku, mereka tidak dapat menggunakan alat tambahan seperti forum perbincangan, kuiz dalam talian atau aplikasi pembelajaran yang lebih interaktif. Ketidakmampuan untuk menggunakan teknologi boleh menghalang pembelajaran dengan cara yang lebih dinamik dan menarik.

Teks agama seperti al-Quran, hadis dan pentafsiran kitab sering kali memerlukan pengetahuan yang mendalam dan konteks yang betul dalam proses pemahaman. Penggunaan teknologi tanpa pemahaman yang tepat boleh menyebabkan tafsiran yang salah atau ketidaktepatan dalam menyampaikan maksud asal ajaran Islam. Oleh itu, penting untuk melatih pelajar dan pendidik dalam kemahiran digital yang relevan, sambil menekankan kepentingan memahami konteks ilmu agama dengan betul (Shafiza & Farhan, 2021). Berdasarkan kemahiran pengkaji, penggunaan teknologi dalam menghuraikan teks-teks agama memerlukan pemerhatian semula kerana kadangkala tersasar daripada maksud asal nas. Para pelajar tidak boleh bergantung penuh pada tafsiran AI dan wajib menyemak fakta tafsiran atau syarahan nas agama daripada kitab-kitab muktabar.

3.4 Keterbatasan Interaksi

Pembudayaan ilmu Islam menjadi hidup melalui penglibatan aktif dalam pembelajaran dengan wujudnya interaksi, pertukaran idea dan pandangan, soal jawab langsung, aktiviti penyelidikan serta suasana pembelajaran yang positif. Menurut Moore (1989), interaksi terbahagi kepada tiga jenis iaitu: pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru dan pelajar dengan isi kandungan. Interaksi antara pelajar melalui diskusi dan penyertaan semasa perbincangan adalah asas kepada pemahaman bagi membantu pelajar memperoleh pencapaian cemerlang.

Suasana pembelajaran dalam talian juga amat berbeza dengan pembelajaran secara bersemuka di mana motivasi belajar dalam talian adalah lebih rendah. Situasi ini dapat dinilai dengan kehadiran kelas dan sikap yang ditonjolkan dalam sesi pembelajaran dalam talian. Ia dipengaruhi dengan suasana pembelajaran yang tidak kondusif, tiada rakan sebaya untuk belajar, kurang kemahiran dalam teknologi serta suasana dan cara pembelajaran yang membosankan dan asing. Kesannya, pelajar berasa tertekan, bahkan mengelakkan diri daripada menghadiri kelas, justeru tidak

dapat memberikan komitmen sepenuhnya sebagai seorang penuntut ilmu. Tidak kurang penting juga, pensyarah dan guru juga mengalami kesukaran untuk menilai kemajuan pelajar secara adil dan tepat dalam talian.

Realitinya, pembelajaran dalam talian telah mengehadkan sedikit sebanyak keseronokan dan interaksi dalam menuntut ilmu. Malah tidak dinafikan ketika pembelajaran bersemuka, ada sesetengah pelajar yang tidak memberi tumpuan ketika guru mengajar, inikan pula ketika sesi pembelajaran dalam talian. Pelajar juga tidak mempunyai peluang berinteraksi secara bersemuka dengan guru dan rakan pelajar. Komunikasi melalui e-mel atau kumpulan perbincangan bagi menyiapkan tugas adalah sukar dilakukan dalam talian. Ini menyebabkan tahap keberkesanan PdP boleh menurun dan pencapaian pelajar terjejas.

Berdasarkan observasi pengkaji, kebanyakan pelajar menjadi kurang minat apabila dilaksanakan PdP secara dalam talian disebabkan interaksi yang sangat terbatas. Bahkan ada dalam kalangan pelajar yang tidak fokus dan hanya mendaftar masuk kelas, tanpa menekuni apa yang sedang disampaikan. Apabila timbul persoalan yang memerlukan penjelasan secara praktikal, perkara ini sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk teori penjelasan semata-mata.

3.5 Pengalaman Pembelajaran

Salah satu cabaran terbesar dalam pembelajaran ilmu Islam dalam talian adalah untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang benar-benar dirasai setiap pelajar. Pembelajaran dalam ilmu Islam melibatkan kajian teks-teks klasik yang kadangkala memerlukan pemahaman kontekstual mendalam seperti tafsiran al-Quran, hadis atau perbincangan tentang fiqh. Dalam pembelajaran bersemuka, guru boleh menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan pelajar dan memberi penjelasan serta bimbingan secara terus. Walau bagaimanapun, sukar untuk memberikan pendekatan sempurna bagi setiap pelajar dalam pembelajaran dalam talian terutama apabila melibatkan bahan agama yang kompleks dan sensitif.

Walaupun teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) boleh menyediakan cadangan pembelajaran yang lebih sesuai berdasarkan kemajuan pelajar, ia masih belum cukup untuk menangani nuansa dan keperluan mendalam yang wujud dalam pengajaran ilmu Islam. Sebagai contoh, pelajar memerlukan bimbingan khusus dalam memahami perbezaan tafsiran atau konteks sejarah sesuatu ayat atau takhrij hadis, yang mana teknologi tidak dapat sepenuhnya menggantikan pengetahuan dan kepakaran manusia dalam konteks ini.

Dalam erti kata lain, pembelajaran dalam talian berpotensi untuk diintegrasikan melalui penggunaan teknologi, namun ia juga membawa cabaran dalam memastikan pengalaman yang benar-benar disesuaikan dengan keperluan setiap pelajar. Di dalam bilik darjah bersemuka, guru dapat menilai respons dan perkembangan pelajar secara langsung, memberikan bantuan atau pengubahsuaian pembelajaran mengikut keperluan individu. Namun ketika pembelajaran dalam talian, pelajar hanyalah nombor dalam sistem yang besar, menjadikannya sukar untuk mendapatkan pengalaman yang relevan dengan keperluan dan gaya pembelajaran masing-masing (Saifudin & Hamzah, 2021).

3.6 Kualiti Bahan Pembelajaran

Kualiti bahan pembelajaran dalam talian menjadi isu utama dalam memastikan keberkesanan pendidikan. Tidak semua bahan dalam talian disediakan dengan tahap kualiti yang sama. Kadangkala bahan yang disediakan tidak distrukturkan dengan baik, tidak interaktif atau tidak memadai untuk mencapai matlamat pembelajaran. Dalam konteks ilmu Islam, bahan pembelajaran haruslah tepat, sahih dan dapat menyampaikan kefahaman mendalam mengenai konsep-konsep yang diajarkan. Kualiti bahan yang rendah juga boleh menyebabkan pelajar berasa tidak yakin dalam penguasaan ilmu yang mereka peroleh dan ini boleh mempengaruhi pemahaman terhadap ajaran agama.

Selain itu, bahan yang tidak diperbaharui atau tidak sesuai dengan perkembangan terkini dalam bidang tertentu boleh menyebabkan pelajar ketinggalan dalam penguasaan ilmu. Di era digital, pelajar mengharapkan bahan yang lebih dinamik dan interaktif. Ketiadaan sumber pembelajaran yang menarik atau mudah diakses boleh menyebabkan pelajar kehilangan minat atau merasa pembelajaran dalam talian tidak efektif seperti pembelajaran bersemuka.

Pembelajaran dalam talian sering bergantung kepada bahan seperti video kuliah, artikel dan buku elektronik. Walaupun mudah diakses, bahan ini kadang-kadang tidak disesuaikan dengan konteks semasa atau tidak cukup mendalam dalam menjelaskan konsep-konsep agama yang kompleks. Ini boleh menjadi cabaran terutamanya apabila pelajar ingin memahami perbezaan antara tafsiran pelbagai ulama atau berhadapan dengan isu-isu fiqh yang memerlukan penerangan yang teliti dan penuh perhatian.

3.7 Penilaian dan Ujian

Dalam pembelajaran ilmu Islam, penilaian dan ujian dalam talian sering menghadapi cabaran dalam menilai pemahaman pelajar dengan tepat. Ilmu Islam bukan hanya melibatkan hafalan, tetapi juga pemahaman mendalam terhadap teks-teks agama dan kemampuan untuk mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Sistem ujian dalam talian tidak dapat mengukur pemahaman ini secara holistik.

Penggunaan alat penilaian yang tidak disesuaikan dengan kandungan agama juga boleh mengurangkan keberkesanannya. Contohnya ujian dalam talian tidak mampu menilai secara mendalam bagaimana pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi kehidupan sebenar atau dalam memahami masalah sosial yang melibatkan nilai-nilai Islam.

Salah satu isu utama adalah memastikan kejujuran akademik semasa ujian atau kuiz dalam talian. Pelajar mempunyai peluang lebih untuk menyalin jawapan atau menggunakan bantuan luar semasa ujian tanpa pengawasan yang mampu menjejaskan integriti dan ketepatan penilaian. Selain itu, penggunaan teknologi dalam penilaian seperti sistem pengesanan plagiarisme atau perisian pemantauan tidak selalu berkesan atau boleh mencabar dari segi teknikal.

Pembelajaran dalam talian tidak memberi ruang untuk penilaian berterusan yang melibatkan interaksi langsung dengan pelajar. Dalam pendidikan tradisional, guru

boleh memberi maklum balas segera terhadap prestasi pelajar semasa aktiviti kelas atau perbincangan. Dalam persekitaran dalam talian, maklum balas tidak segera atau tidak mencukupi untuk membantu pelajar memperbaiki kelemahan dengan cepat. Ini boleh menjejaskan kualiti pembelajaran dan pencapaian pelajar (Zamri & Alias, 2022).

3.8 Sokongan Pembelajaran Berterusan

Salah satu cabaran utama pembelajaran dalam talian adalah kekurangan sokongan berterusan untuk pelajar. Dalam pembelajaran bersemuka, pelajar sering mendapat bantuan segera daripada guru atau rakan sebaya melalui perbincangan langsung, bimbingan satu-satu atau sesi soal jawab. Namun ketika pembelajaran dalam talian, sokongan ini terbatas, menyebabkan pelajar merasa kesulitan untuk mendapatkan bantuan ketika menghadapi cabaran atau soalan.

Sokongan dalam talian yang tidak mencukupi menyebabkan pelajar merasa terasing dan kurang yakin dalam proses pembelajaran. Tanpa sokongan yang berterusan, pelajar mudah berasa kehilangan arah, terutamanya apabila menghadapi kesukaran memahami bahan atau menyelesaikan tugas. Hal ini boleh mempengaruhi motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran.

Tanpa sokongan berterusan, pelajar juga boleh merasa terasing atau kehilangan arah dalam pembelajaran mereka, terutamanya apabila menghadapi cabaran dalam memahami tafsiran al-Quran atau hadis. Ini boleh mempengaruhi tahap motivasi dan keinginan mereka untuk terus mendalami ilmu Islam. Pelajar tidak dapat berkomunikasi dengan guru secara langsung untuk mendapatkan bimbingan tambahan yang boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi.

3.9 Kesan Jangka Panjang

Pembelajaran dalam talian ilmu Islam membawa cabaran dalam menilai kesan jangka panjang terhadap penguasaan agama. Walaupun kaedah ini terbukti berkesan dalam menyampaikan pengetahuan asas, terdapat kebimbangan tentang sejauhmana pelajar dapat mendalami dan menghayati ilmu Islam dalam konteks yang lebih mendalam. Salah satu cabaran lebih besar dalam talian adalah kekurangan kepastian mengenai kesan jangka panjang terhadap pencapaian akademik dan perkembangan sosial pelajar (Idriki & Tan, 2022).

Ilmu Islam melibatkan bukan sahaja pemahaman teks, tetapi juga pengamalan dalam kehidupan seharian. Pembelajaran dalam talian tidak memberi ruang yang cukup untuk membincangkan masalah sosial, isu etika atau aplikasi ajaran Islam dalam konteks kehidupan moden. Walaupun teknologi pembelajaran dalam talian terbukti berkesan dalam beberapa konteks, terdapat kebimbangan mengenai sejauh mana pembelajaran digital dapat menggantikan interaksi manusia yang berlaku dalam bilik darjah tradisional. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pembelajaran yang tidak disertai interaksi sosial secara langsung boleh menjejaskan pembangunan kemahiran sosial dan komunikasi pelajar.

Dalam pada itu, kesan jangka panjang terhadap perkembangan sosial dan spiritual pelajar ketika pembelajaran dalam talian juga belum jelas. Pembelajaran ilmu Islam yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan teori, tetapi juga

kepada pengalaman dalam berinteraksi dengan komuniti dan menjalani amalan keagamaan. Pembelajaran dalam talian kurang dapat menyediakan pengalaman seperti ini, yang penting dalam membentuk jati diri Muslim yang berilmu dan berakhlak.

Kesan jangka panjang terhadap pemahaman pelajar mengenai topik yang dipelajari, terutamanya dalam subjek yang kompleks atau mendalam seperti ilmu Islam masih belum diketahui secara pasti. Pembelajaran dalam talian tidak mampu memberikan kefahaman yang sama mendalam seperti yang diperoleh dalam sesi bersemuka yang melibatkan perbincangan dan dialog antara guru dan pelajar. Setakat pengalaman pengkaji, para pelajar memang mudah mendapat A ketika PdP dilakukan secara dalam talian atau penilaian sepenuhnya dalam bentuk formatif. Walau bagaimanapun, penguasaan pelajar terhadap subjek atau disiplin ilmu menjadi sangat lemah. Bahkan ada pelajar yang mengakui hal ini dan kemudian menyambung kembali pengajiannya pada peringkat sarjana muda atau sarjana bagi memantapkan penguasaan ilmu.

4. Cadangan Penyelesaian

4.1 *Inisiatif Peranti Digital Bersama Akses Internet*

Isu kekurangan peranti digital pintar dalam kalangan pelajar boleh diatasi bukan sahaja daripada usaha kerajaan malah dengan kerjasama badan bukan Kerajaan, khususnya taikun-taikun syarikat telekomunikasi kapitalis di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah memberi banyak inisiatif untuk menyediakan kemudahan telefon pintar khususnya terhadap pelajar-pelajar B40. Contohnya, syarikat telekomunikasi Celcom, Digi, Telekom, Maxis dan sebagainya telah melancarkan pakej data dan plan telefon bimbit khusus untuk pelajar (Bahtiar et al. 2020).

Selain itu, syarikat YTL juga melancarkan program menerusi "Learn from Home Initiative" dengan menghadiahkan telefon bimbit percuma lengkap dengan 12 bulan plan data sebanyak 120 GB kepada pelajar-pelajar B40. Yayasan tersebut turut menyediakan inisiatif bukan sahaja untuk pelajar, bahkan kepada pelajar universiti dan para guru yang layak. Terbaru, inisiatif Tabung Cerdik dilancarkan melalui pelaksanaan di bawah Yayasan Hasanah dengan pemberian 150,000 peranti digital kepada murid B40. Impaknya, pelajar mempunyai perkakasan untuk menghadiri kelas dalam talian di pelbagai platform seperti Google Meet, Zoom, Google Classroom, Microsoft Team dan sebagainya (Iskandar, 2021).

Sehubungan itu, pembelajaran dalam Islam dengan kaedah seperti talaqqi dan musyafahah dapat diteruskan dalam talian tanpa sempadan. Medium ini juga membantu dalam perkembangan bidang tilawah al-Quran di mana pelajar boleh mendengar bacaan al-Quran secara langsung bukan sahaja daripada pelajar Malaysia malah seluruh dunia seperti Indonesia, Brunei, Mesir dan Turki tanpa mengira sempadan masa, waktu dan tempat.

Pelajar juga boleh menyimpan, memproses atau merekod setiap maklumat yang diperolehi bahkan menonton semula rakaman kelas bagi tujuan ulangkaji. Mereka juga boleh melakukan pembelajaran sendiri pada waktu lapang di mana jua. Kini, peranti digital pintar telah menjadi medium efektif untuk memartabatkan pendidikan negara setaraf dengan pendidikan peringkat antarabangsa.

4.2 Memperkasa Kemahiran dan Pengetahuan Teknologi Digital

Kemahiran dan kecekapan teknologi maklumat merupakan perkara yang menjadi keutamaan dalam semua sektor pada hari ini termasuk pendidikan. Menurut Eastin & LaRose (2000), kemahiran menggunakan teknologi maklumat merujuk kepada pengetahuan seseorang tentang kebolehannya mengurus, melaksana dan menyiapkan tugas berkaitan teknologi maklumat dengan cekap dan berkesan.

Usaha memperkasa dan meningkatkan kemahiran guru antara perkara awal dan paling penting dalam memastikan pendidikan berkualiti disampaikan dalam apa jua pendekatan terutama PdP dalam talian. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Google Malaysia berganding bahu dalam melatih sehingga 5,000 guru Sekolah Kebangsaan untuk memperoleh Pensijilan Google yang juga sebahagian daripada Program Pensijilan DELiMa. Program tersebut dijalankan bagi menyokong dan memperkasakan guru dalam langkasap digital di institusi pendidikan seterusnya membantu memastikan pelajar berkompeten secara digital untuk menghadapi norma baharu persekolahan dan alam pekerjaan. Dalam satu perbincangan yang bertajuk Guru Pemangkin Transformasi Pendidikan, salah satu panel seorang guru yang mempunyai pensijilan Google for Education merasakan dirinya kini lebih fleksibel dalam pendekatannya terhadap pelajaran maya. Program tersebut mendedahkan pelbagai bahan pembelajaran interaktif dan membantu mengendalikan platform pembelajaran dengan lebih yakin dan mudah (Suliaty Asri, 2021).

Alternatif lain bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat seperti mengikuti kursus kemahiran komputer dan internet yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Selain itu, meningkatkan tahap pembacaan tentang teknologi maklumat, sentiasa mengikuti perkembangan teknologi semasa dan juga bertanya dengan pakar dalam bidang.

Pelajar yang mempunyai kemahiran teknologi digital boleh mendapatkan pelbagai informasi dan maklumat terkini yang berguna sebagai sumber pembelajaran daripada jaringan internet pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja semudah hujung jari. Faedah lain bagi kemahiran ini ialah sebagai alat pemudah komunikasi. Pelajar boleh saling menghantar, menerima dan berkongsi maklumat dengan guru atau rakan pelajar lain sama ada dalam bentuk teks, grafik, audio, video atau kombinasinya. Mereka juga boleh berkomunikasi dengan guru melalui e-mel serta berupaya menggunakan aplikasi perisian bagi menyempurnakan tugas-tugas harian sekolah. Secara tidak langsung ini dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam konteks pembelajaran dan juga kehidupan seharian sebagai pemangkin kepada generasi celik IT pada masa akan datang.

Menariknya, pengetahuan dan kemahiran digital seperti editing poster dan video boleh menjadi nilai tambah dalam usaha dakwah yang pelbagai. Pengisian agama

bersama penulisan dan persembahan karya kreatif serta menarik melalui posting, video, poster di media sosial amat diperlukan agar umat Islam saling berpesan dengan kebenaran dan menjadi masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan. Allah SWT berfirman dalam Surah Az Zumar ayat ke-9 yang bermaksud *"Katakanlah, adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."* Sehubungan dengan itu, penguasaan ilmu pengetahuan menjadi pemisah antara dua golongan manusia iaitu golongan berilmu dan golongan tidak berilmu (Nazneen & Syaidatun, 2019).

4.3 Metode, Pedagogi dan Teknik Pembelajaran Pasca Norma Baharu

Teknik pembelajaran pasca norma baharu dapat dikaitkan dengan pelbagai elemen yang diperlukan pada zaman teknologi ini, iaitu meliputi kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, berfikir aras tinggi, interpersonal, penggunaan teknologi AI dan sebagainya.

Gamifikasi (*gamification*) merupakan teknik pembelajaran digital yang popular. Ia adalah satu pendekatan yang menggunakan konsep permainan dalam proses pengajaran dan pemudahcaran (PdPc) serta menjadikan proses PdP lebih menarik, interaktif serta engaging. Reenee & Timothy (2021) berpendapat perbandingan antara pedagogi dan pembelajaran aktif boleh mempengaruhi penglibatan pelajar, motivasi, proses mengingat, kemahiran aras tinggi dan yang utama ialah proses pembelajaran. Gamifikasi adalah salah satu alat pengukuran melalui kepelbagaian kaedah pengajaran dan bukanlah satu bentuk permainan semata-mata, Di dalamnya ada unsur pembelajaran, penilaian, pengujian, pengukuran, cabaran, persaingan dan juga hiburan (Annasali & Aderi, 2020).

Pelbagai aplikasi bercirikan gamifikasi dalam talian yang boleh diakses oleh guru dan pelajar dalam proses PdP seperti Kahoot, Quizlet, Quizziz, Wordwall, Gamilab dan sebagainya. Menurut Ismail & Muhammad (2017), dalam aplikasi Kahoot terdapat elemen muzik dan paparan warna yang menarik minat dan menjadikan pelajar tidak sabar memulakan permainan. Pelajar yang terlibat dengan pembelajaran melalui teknik ini merasakan ia menyeronokkan, mudah dikawal selia, interaktif dan membantu memahami topik yang dipelajari dengan lebih baik dan berkesan (Ainun et al. 2017).

Aplikasi semisal ini juga fleksibel untuk semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam serta subjek khusus pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran yang boleh digunakan melalui aplikasi tersebut seperti soal jawab, sumbang saran, tunjuk cara dan sebagainya. Aplikasi ini juga bertetapan dengan kandungan Kurikulum Pendidikan Islam dalam KSSR meliputi bidang al-Quran, Hadith, Ulum Syariah (Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak) dan juga Jawi.

Oleh sebab yang demikian, pengajian agama akan menjadi subjek yang seronok dan mudah dipelajari, lantas pelajar akan mempraktikkannya dengan mudah tanpa sebarang tekanan. Jelas di sini bahawa transformasi teknik pembelajaran turut membantu dalam menjimatkan masa dan tenaga guru, di mana PdP telah menjadi lebih

sistematik dan teratur selain dapat memperoleh pelbagai ilmu dan pengalaman melalui teknologi pendidikan.

Lebih awal daripada itu, pendidikan teknologi dan penguasaan AI perlu dijadikan sebahagian daripada kurikulum dan pelatihan untuk pendidik dan pelajar pada fasa pra pembelajaran dalam talian. Ini termasuk latihan menggunakan perisian pembelajaran, memahami etika penggunaan AI serta pengurusan masa dan interaksi digital yang berkesan. Latihan berterusan dalam kemahiran digital dan AI khususnya untuk PdP disiplin ilmu Islam dapat memastikan kecekapan dan pembelajaran secara efisien (Diantama, 2024).

Malah aplikasi teknologi PdP dalam talian untuk ilmu Islam juga perlu disesuaikan dan diubah suai secara berkala agar mampu menawarkan pengalaman yang benar-benar sesuai seperti sesi bimbingan maya bersama guru atau sistem pembelajaran adaptif yang memberi ruang untuk mendalami pengetahuan agama dengan lebih mendalam. Teknologi PdP perlu terus berkembang untuk menyediakan sistem yang lebih canggih dalam menilai dan memahami keperluan pelajar.

Hal ini memerlukan kolaborasi antara pembangun teknologi, pendidik dan penyelidik untuk mencipta alat yang lebih berdaya saing dalam menyokong pembelajaran yang benar-benar memanfaatkan murid. Penyedia dan pembangun bahan pembelajaran dalam talian perlu memastikan bahan pembelajaran sentiasa dikemas kini, berkualiti tinggi dan relevan dengan perkembangan semasa. Ini melibatkan penggunaan pelbagai bentuk media seperti video, infografik dan pembelajaran berasaskan simulasi untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Pembikin kandungan dalam talian juga wajib memastikan bahawa bahan yang digunakan dalam pengajaran ilmu Islam adalah sahih dan lengkap (Mohtar & Khairuddin, 2023). Hal ini boleh dilibatkan kolaborasi dengan cendekiawan Islam dan ulama untuk menyediakan sumber yang berstruktur dengan baik dan dapat diakses oleh pelajar tanpa merosakkan ketepatan ajaran Islam.

Semasa pelaksanaan PdP, platform yang digunakan dalam talian sewajarnya mudah diakses, dapat menyokong penyampaian kandungan yang tepat dan berkesan dengan integrasi antara teknologi dan pengetahuan agama yang mendalam. PdP dalam talian perlu menyediakan mekanisme sokongan yang lebih kukuh seperti bimbingan dalam talian, sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan kaedah pengajaran lebih interaktif. Guru boleh menyediakan sesi sokongan atau perjumpaan maya secara berkala untuk menjawab soalan dan memberi maklum balas terhadap prestasi pelajar. Dengan cara ini, pelajar merasa lebih yakin terhadap pendalaman ilmu agama yang mendalam dan sahih.

Manakala penilaian dalam ilmu Islam perlu dirancang dengan teliti agar dapat mengukur kemampuan analisis, refleksi dan pemahaman kritikal pelajar terhadap ajaran agama. Penilaian dalam talian perlu mengintegrasikan pendekatan lebih holistik seperti penilaian berasaskan projek atau pembelajaran berasaskan masalah, di mana pelajar dapat menunjukkan penguasaan terhadap ajaran Islam secara lebih menyeluruh dan kontekstual. Penggunaan alat penilaian dalam talian yang lebih canggih seperti ujian adaptif yang menilai pengetahuan pelajar berdasarkan prestasi dan menggunakan teknik seperti penilaian berasaskan projek atau pembelajaran

berasaskan masalah memberikan ruang untuk penilaian yang lebih holistik dan bermakna (Azizan & Nasri, 2020).

Pada peringkat pasca pelaksanaan, lebih banyak penyelidikan perlu dilakukan untuk memahami kesan jangka panjang pembelajaran dalam talian terutamanya dalam konteks pendidikan yang melibatkan kandungan mendalam dan kompleks seperti disiplin utama ilmu Islam. Penyelesaian holistik dan integratif dengan kaedah bersemuka menjadi pendekatan terbaik dalam memastikan keberkesanan pendidikan dalam talian. Kombinasi antara pembelajaran dalam talian dengan elemen bersemuka atau pengalaman praktikal, di mana pelajar dapat mengintegrasikan pengetahuan dengan kehidupan sebenar serta berinteraksi dengan ulama dan komuniti untuk membentuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai ilmu Islam.

4.4 Memanfaatkan Teknologi AI

Kecerdasan buatan (AI) dapat dimanfaatkan dalam pendidikan ilmu Islam dengan menyediakan pembelajaran yang lebih interaktif dan adaptif. Melalui teknologi seperti *natural language processing* (NLP), pelajar dapat berinteraksi dengan aplikasi untuk memahami kandungan al-Quran, hadis atau fiqh secara mendalam. Sebagai contoh pelajar boleh mengemukakan soalan mengenai maksud atau konteks ayat al-Quran, dan sistem AI memberikan jawapan yang relevan berdasarkan analisis kandungan teks. Selain itu, platform pembelajaran adaptif yang dikuasakan oleh AI mampu menilai tahap kefahaman pelajar dan menyesuaikan kandungan pembelajaran berdasarkan keperluan individu. Ini bukan sahaja membantu pelajar memahami ilmu Islam dengan lebih baik, tetapi juga memastikan setiap pelajar mendapat perhatian yang sesuai dengan tahap kemahiran mereka, menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan dan personal (Yahya & Hidayat, 2023).

AI juga memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memperbaiki bacaan dan hafazan Al-Quran, terutamanya melalui teknologi pengecaman suara (*speech recognition*). Aplikasi yang dilengkapi dengan teknologi ini dapat menganalisis bacaan pelajar dan memberikan maklum balas segera mengenai kesalahan sebutan, tajwid atau makhraj huruf. Dengan bimbingan secara langsung ini, pelajar dapat memperbaiki bacaan mereka secara konsisten tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada guru. Selain itu, aplikasi AI juga boleh menyediakan modul hafazan yang teratur, memantau kemajuan hafazan, memberi peringatan untuk ulang kaji, dan mencadangkan kaedah penghafalan yang sesuai dengan gaya pembelajaran individu. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan hafazan, tetapi juga memberi motivasi kepada pelajar untuk terus maju dalam pembelajaran mereka.

Satu lagi manfaat besar AI dalam pendidikan ilmu Islam ialah keupayaannya menggunakan analitik data untuk memperbaiki keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. AI dapat mengumpulkan data daripada interaksi pelajar dengan platform pembelajaran untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi, pola pembelajaran dan topik yang memerlukan perhatian tambahan (Saad et al., 2020). Maklumat ini membolehkan guru menyesuaikan kaedah pengajaran mereka dengan lebih berkesan dan menghasilkan bahan pembelajaran yang lebih relevan. Di peringkat

pentadbiran, analitik data membantu institusi pendidikan memantau keberkesanan program pembelajaran dan membuat keputusan berdasarkan data untuk meningkatkan mutu pendidikan. Gabungan teknologi ini membuka ruang kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menyokong pembudayaan ilmu Islam di era digital, memastikan kesinambungan tradisi ilmu Islam dalam dunia yang semakin canggih (Fauziyati, 2023).

5. Kesimpulan

Pendidikan merupakan nadi pembangunan masyarakat dan juga negara. Tanpa sistem pendidikan terancang dan *up to date*, maka negara dianggap gagal melaksanakan tanggungjawabnya memartabatkan sistem pendidikan berkualiti dan cemerlang. Alternatif dalam pendidikan norma baharu telah menjadi satu usaha berterusan demi pembudayaan ilmu Islam tetap berkembang.

Pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam kaedah pembelajaran dalam talian seperti kekangan teknologi digital, pengetahuan dan kemahiran diri serta interaksi. Sehubungan itu, kerjasama semua pihak diperlukan bagi menjadikan PdP dalam talian juga mampu melahirkan pelajar cemerlang, bahkan golongan ulul albab iaitu golongan yang mempunyai ciri ilmu yang luas dan iman yang tinggi. Semua cabaran dan halangan yang dihadapi perlu dijadikan sebagai batu lonjakan untuk meningkatkan lagi mutu PdP dan berusaha dengan lebih gigih. Secara tidak langsung, ini mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi, Fadzil Sohar; metodologi, Fadzil Sohar; analisis data, Mohd Farhan Md Ariffin; pengumpulan data, Nur Qamarina Putri Kamal Azam, penulisan-persediaan draf asal, Nur Qamarina Putri Kamal Azam, Fadzil Sohar & Muhammad Adam Abd. Azid; semakan dan penyuntingan, Mohd Farhan Md Ariffin; penyeliaan, Mohd Farhan Md Ariffin. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Rujukan

- Afandi. (2020). Pengajaran, pembelajaran ketika pandemik bukan mudah. *Berita Harian*.
- Ainun, Ibrahima, Mahamod, & Wan Mohamad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 77-88.
- Annasali, A. (2020). Gamifikasi aplikasi Kahoot dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam [Conference paper]. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Azizan, S. N. C., & Nasri, N. M. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA*, 11, 46-57.
- Bahtiar, R. A., Ibrahim, S., Ariffin, H., Ismail, N. H., & Isa, W. M. K. W. (2020). Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari

- dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) COVID-19. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Danial, A., & Muyasaroh, M. (2023). Pemanfaatan smartphone dalam pembelajaran pendidikan agama Islam. *Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi*, 6(2), 146-153.
- Diantama, S. (2024). Pemanfaatan Artificial Inteligent (AI) dalam dunia pendidikan. *DEWANTECH Jurnal Teknologi Pendidikan*, 2(1), 11-17.
- Eastin, M. S., & LaRose, R. (2000). Internet self-efficacy and the psychology of the digital divide. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 6(1).
- Faris. (2020). PKP: Teknologi jadi kekangan kerja dan pembelajaran di rumah, tetapi ada 'jalan' lain.
- Fauziyati, W. R. A. (2023). Dampak penggunaan artificial intelligence (AI) dalam pembelajaran pendidikan agama islam. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP)*, 6(4), 2180-2187.
- Hambali, K. B., & Lubis, M. A. (2022). Kepentingan gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*, 5(1), 58-64.
- Hashim, F., Rosli, F. F., Elias, F., Mat, M. R. L., & Yusof, C. N. M. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan impaknya terhadap guru novis pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 151-162.
- Hrastinski, S. (2019). What do we mean by blended learning? *TechTrends*. <https://doi.org/10.1007/s11528-019-00375-5>
- Idriki, N. A. M., & Tan, B. P. (2022). Aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam talian: Cabaran guru pendidikan moral. *Muallim Journal of Social Sciences*.
- Iskandar. (2021, September 30). 116, 736 unit peranti digital sudah diagihkan. *Berita Harian*.
- Ismail, M. A. A., & Mohammad, J. A. M. (2017). Kahoot: A promising tool for formative assessment in medical education. *Education in Medicine Journal*, 9(2).
- Mohtar, N. M., & Khairuddin, K. F. (2023). Pemeraksanaan guru dalam pengajaran dalam talian untuk murid berkeperluan pendidikan khas di program pendidikan inklusif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), Article e002456.
- Nazneen, S. (2019). Hubungan antara cinta ilmu dan al-falah menurut Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, 2, 192-202.
- Saad, Z., Subramaniam, B., Muthiah, M., & Yaakub, A. M. (2020). Kesediaan penggunaan Google Meet sebagai platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.
- Saifudin, H. A., & Hamzah, I. (2021). Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250-264.
- Safie, S., & Ariffin, M. F. M. (2021). Norma baharu pembudayaan Al-Quran ketika pandemik COVID-19. *BebasNews*.
- Shahaimi, S., & Khalid, F. (2017). Persepsi guru terhadap ciri-ciri inovasi VLE Frog di sekolah di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor. *Perspektif Risalah An-Nur*.
- Singh, R., & Sim, T. (2021). Families in the time of the pandemic: Breakdown or breakthrough? *Australian and New Zealand Journal of Family Therapy*.
- UNICEF. (2020). Kanak-kanak pinggir. United Nations Children's Fund, Malaysia.
- World Health Organization. (2020). Coronavirus disease (COVID-19).
- Yahya, M., & Hidayat, A. (2023). Implementasi Artificial Intelligence (AI) di bidang pendidikan kejuruan pada era revolusi industri 4.0. In *Seminar Nasional Dies Natalis 62* (Vol. 1, pp. 190-199).

Zamri, F. E., & Alias, A. (2022). Cabaran guru pendidikan khas melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), Article e001528.